


KENYATAAN PERMOHONAN MENGEMUKAKAN CADANGAN (RFP)

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V) ("MRT Corp") ialah sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan). Sebagai pemaju infrastruktur rel metro Malaysia, MRT Corp diamanahkan dengan pembangunan dan penyiapan projek rel bandar strategik seperti Transit Aliran Massa Lembah Klang (KVMRT), RTS Link Johor Bahru - Singapura, dan Laluan LRT Mutiara Pulau Pinang, untuk menyokong mobiliti mampan dan pembangunan negara.

MRT Corp ingin mempelawa bakal Pemohon untuk mengambil bahagian di dalam RFP bagi perkhidmatan seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah:

TAJUK RFP DAN NOMBOR RFP	SESI TAKLIMAT RFP (KEHADIRAN ADALAH WAJIB BAGI YANG BERMINTA MENYERTA)	
<p>"RTS LINK (OUTDOOR ADVERTISING): REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) TO DESIGN, BUILD, OPERATE AND TRANSFER (DBOT) ADVERTISING MEDIA CONCESSIONAIRE OF RTS LINK FOR MALAYSIA RAPID TRANSIT SYSTEM SDN BHD"</p> <p>(NO RFP: RFP/PD/Q017-2025)</p>	<p>Tarikh : Jumaat, 16 Mei 2025 Masa : 10.00 pagi Lokasi: Platform Zoom (Atas Talian)</p> <p>Untuk menyertai Taklimat RFP ini, semua Peserta dikehendaki membuat pra-pendaftaran secara atas talian yang boleh diperolehi di salah satu pautan di bawah atau melalui kod QR yang disediakan:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Laman Web MRT Corp www.mymrt.com.my ; 2. https://forms.gle/7AgGZDpZULvgYmAv9; 3. Mengimbas Kod QR yang disediakan. <p>Pra-pendaftaran akan bermula pada Isnin, 5 Mei 2025 sehingga Khamis, 15 Mei 2025. Maklumat lanjut berkaitan sesi taklimat akan diberitahu sebaik sahaja pra-pendaftaran diluluskan. Pemohon yang telah mendaftar akan menerima Zoom ID dan pautan melalui e-mel untuk menyertai Taklimat RFP secara dalam talian.</p>	<p>Sila imbas Kod QR untuk pra-pendaftaran:</p> 

Pemohon **WAJIB** memenuhi **Kriteria Mandatori** seperti berikut:

KRITERIA TEKNIKAL MANDATORI	KRITERIA KEWANGAN MANDATORI
<p>Syarikat Pemohon / Konsortium / Usahasama mestilah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya LIMA (5) tahun dalam pengiklanan luar dan tidak kurang daripada 10 papan iklan dan / atau media pengiklanan lainnya.</p>	<p>Pemohon wajib mempunyai modal berbayar minimum sebanyak RM500,000.00.</p>

Dokumen RFP boleh dibeli mulai **19 Mei 2025** sehingga **30 Mei 2025**:

TEMPAT PENJUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN TAWARAN	WAKTU PENJUALAN DOKUMEN TAWARAN
<p>Jabatan Perolehan Tingkat 6, Menara I&P1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia</p>	<p>Isnin hingga Khamis : 9:00 pagi – 12:30 tengahari dan 2:00 petang – 5:00 petang Jumaat : 9:00 pagi – 12:00 tengahari dan 3:00 petang – 5:00 petang</p>

Pembelian Dokumen RFP mestilah disertakan dengan Draf Bank atau 'Banker's Cheque' dengan nilai **RM1,000.00** atas nama **Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd** dan tidak akan dikembalikan.

Dokumen RFP hendaklah dihantar secara "by hand" selewat-lewatnya pada jam **12.00 tengahari, Isnin, 21 Julai 2025** di Peti Tender, Jabatan Perolehan, di alamat yang dinyatakan di atas.

Nota:

1. Permohonan Mengemukakan Cadangan (RFP) ini terbuka kepada syarikat tempatan yang berdaftar di Malaysia dengan pemilikan ekuiti minimum sebanyak 70% oleh warganegara Malaysia.
2. Penyertaan dari syarikat yang berdaftar di negeri Johor adalah digalakkan.
3. Pemohon-pemohon dibenarkan untuk membentuk Usahasama / Konsortium tidak lebih daripada dua (2) syarikat.
4. Pemohon hanya dibenarkan untuk mengemukakan satu (1) penyertaan RFP sahaja untuk sebuah entiti syarikat atau Usahasama / Konsortium.
5. Penyertaan secara Usahasama / Konsortium hendaklah disertakan bersama dengan Perjanjian Usahasama / Konsortium dan perjanjian tersebut perlu menyatakan rakan kongsi utama, ekuiti rakan Usahasama / Konsortium dan juga klausa "Jointly and Severally Liable" ke atas semua rakan Usahasama / Konsortium tersebut. Pemohon dilarang untuk menukar rakan kongsi Usahasama / Konsortium selepas tarikh tutup.
6. MRT Corp berhak untuk menolak serahan dokumen RFP daripada mana-mana Pemohon tanpa menyatakan sebarang sebab atau memaklumkan kepada Pemohon mengenai alasan penolakan atau menanggung sebarang liabiliti kepada Pemohon terhadap penolakan serahan dokumen RFP tersebut.
7. Sebarang pertanyaan berhubung dengan RFP ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada procurement@mymrt.com.my. Pemohon boleh melayari laman web kami di www.mymrt.com.my untuk maklumat lanjut mengenai MRT Corp.